

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019**

**SOALAN : 37**

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen dan mengemukakan garis masa untuk memindahkan kuasa mutlak atas semua urusan berkaitan dengan Petronas kepada Parlimen supaya Petronas boleh menanggung segala akauntabiliti terhadap rakyat selari dengan manifesto Pakatan Harapan.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS diperbadankan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] dan didaftarkan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965. Sejak penubuhannya sebagai syarikat minyak dan gas nasional, PETRONAS terus memacu kemajuan operasi dalam dan luar negara sehingga mencapai taraf antara syarikat gergasi minyak yang terkemuka dunia. PETRONAS sehingga kini terus kekal sebagai satu-satunya syarikat dari Malaysia yang tersenarai dalam *Fortune Global 500*.

PETRONAS juga sentiasa mengutamakan tadbir urus korporat yang baik. Walaupun bukan merupakan sebuah syarikat yang disenaraikan di pasaran awam, PETRONAS mengambil inisiatif untuk mengumumkan laporan

## SOALAN NO. 37

prestasi operasi dan penyata kewangan kumpulan pada setiap suku tahun. Komitmen terhadap ketelusan operasi syarikat telah diperkukuhkan dengan penyenaian beberapa anak syarikatnya yang penting di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, PETRONAS adalah sebuah syarikat minyak milik negara (national oil company) dan bukannya public listed company. Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA 1974) merupakan undang-undang yang diguna pakai dan dikuatkuasakan pada masa ini bagi tujuan cari gali petroleum di seluruh Malaysia. PETRONAS diberikan hak milik eksklusif sumber petroleum negara dan diamanahkan untuk mengurus dan memajukan sumber petroleum negara termasuk mengeksplorasi, mengeksploit, mendapatkan dan memperoleh petroleum di seluruh Malaysia. Sebagaimana termaktub dalam PDA 1974, sebagai balasan PETRONAS akan memberikan bayaran tunai (cash payment) atau royalti kepada negeri-negeri pengeluar minyak dan gas berkenaan.

Sekian, terima kasih.